

Analisis Karya-Karya Berkaitan Pentafsiran Kisah Al-Quran: Satu Tinjauan
[An Analysis of Works Related to the Interpretation of Qur'anic Narratives: A Survey]

Nik Fatma Amirah Binti Nik Muhamad (*Corresponding author*)
 Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin
 (UniSIRAJ)
 nikfatmaamirah91@gmail.com

Muhammad Lukman Bin Mat Sin
 Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin
 (UniSIRAJ)
 drlukmanms@kuips.edu.my

Article
 Progress:

Submission date:
 20-11-2025
 Accepted date:
 15-12-2025

ABSTRACT

The Qur'an is a profound miracle that places significant emphasis on narrative discourse, which occupies a central position within the tradition of Qur'anic interpretation and contemporary Qur'anic studies. It contains a wide range of accounts, including narratives of past communities and the lives of the prophets, which have long been examined by both classical and modern scholars. However, existing studies on Qur'anic narratives largely remain descriptive and lack a systematic synthesis and mapping of the methodological approaches employed in these works. This study aims to examine and map the methodological trends used in major scholarly works on Qur'anic narratives. Employing a qualitative, library-based approach with thematic content analysis, the research analyses selected key texts in the field. The findings reveal a diversity of methodological orientations, including exegetical, literary, thematic, and pedagogical approaches, each shaping distinct modes of understanding Qur'anic stories. This study contributes to Qur'anic studies by offering a structured methodological overview that clarifies interpretive trends and highlights the pedagogical and analytical implications of narrative discourse in the Qur'an.

Keywords: Analisis, Karya-karya, Pentafsiran, Kisah al-Quran

PENDAHULUAN

Sebahagian besar kandungan al-Quran disampaikan melalui bentuk penceritaan, merangkumi kisah para nabi serta umat terdahulu. Menurut 'Afif 'Abd al-Fattāh Ṭabbārah (1985), antara tujuan utama *Qaṣaṣ al-Qur'ān* ialah menjelaskan kesatuan sumber agama Islam yang datang daripada Allah SWT melalui rangkaian para nabi bermula daripada Nabi Nuh AS sehingga Nabi Muhammad SAW. Pandangan ini menjadi asas penting dalam memahami kecenderungan para

sarjana al-Qur'an dalam menghasilkan karya-karya berkaitan kisah al-Qur'an, khususnya dari segi penekanan tema tauhid, kesinambungan risalah, serta pendekatan penyampaian kisah sebagai medium dakwah dan pendidikan.

Bertitik tolak daripada kerangka ini, artikel ini bertujuan meneliti dan menganalisis karya-karya berkaitan pentafsiran kisah-kisah al-Qur'an dengan menumpukan analisis kepada pendekatan, metodologi penulisan serta keunikan tema yang diketengahkan oleh para sarjana, sama ada klasik mahupun kontemporari. Penulis mengetengahkan metodologi dan keunikan karya-karya ini dalam mempersembahkan kisah-kisah al-Qur'an dengan meneliti pendekatan penulisan yang digunakan, antaranya pendekatan tematik, kronologi, dakwah serta pedagogi, yang membentuk kepelbagaian corak pentafsiran kisah-kisah al-Qur'an. Keunikan serta keistimewaan karya-karya ini merupakan aspek penting yang dianalisis dalam artikel ini, khususnya bagi menilai bagaimana variasi pendekatan dan metodologi penulisan mempengaruhi keberkesanan penyampaian kisah-kisah al-Qur'an.

DEFINISI KISAH-KISAH AL-QURAN

Dari sudut bahasa, (القصة) adalah (تتبع الأثر) iaitu merujuk kepada perbuatan menelusuri atau mengikuti jejak sesuatu peristiwa (Rāghib al-Aṣḥānī, 1991), manakala dari sudut istilah ia membawa maksud khabar atau peristiwa yang diceritakan secara berurutan (Ibn Manẓūr, 1993). Berdasarkan kefahaman ini, Qaṣaṣ al-Qur'ān dapat difahami sebagai penyampaian kisah-kisah dalam al-Qur'an yang merangkumi peristiwa umat terdahulu, kisah para Nabi serta kejadian-kejadian lampau yang dipilih dan disusun secara bermakna bagi tujuan penyampaian petunjuk, ibrah dan pengajaran (Mannā' al-Qaṭṭān, 1998).

PEMBAHAGIAN KISAH-KISAH AL-QURAN

Menurut Mannā' al-Qaṭṭān (1998), kisah-kisah di dalam al-Quran dapat dibahagikan kepada tiga kategori:

Kisah Para Nabi

Kategori ini merangkumi kisah nabi dan rasul dalam menyampaikan dakwah kepada kaum mereka, mukjizat yang diberikan Allah kepada mereka serta sikap dan pendirian orang-orang yang melawan mereka. Turut dimuatkan dalam kategori ini marhalah dan juga peringkat dakwah para nabi serta perkembangannya. Ia juga meliputi ganjaran serta balasan kepada golongan yang

beriman atau mendustakan kenabian dan dakwah mereka. Contohnya kisah dakwah Nabi Nuh AS kepada kaumnya dalam Surah al-A'rāf (7: 7), kisah Nabi Daud AS membunuh Jālūt dalam Surah al-Baqarah (2: 251) serta kisah Nabi Muhammad SAW diperjalankan ketika malam *Isrā'* dalam Surah al-Isrā' (17: 1).

Kisah Umat Terdahulu

Kategori ini pula merangkumi kisah-kisah yang berkait dengan peristiwa-peristiwa yang terjadi pada masa lampau serta individu-individu yang bukan daripada golongan para nabi. Contohnya adalah seperti kisah Ḥābil dan Qābil dalam Surah al-Mā'idah (5: 27-31), kisah Aṣḥāb al-Kahfi dalam Surah al-Kahfi (18: 10), kisah Dhū al-Qarnayn dalam Surah al-Kahfi (18: 84), kisah Qārūn dalam Surah al-Qaṣaṣ (28: 78-82), kisah Maryam dalam Surah Maryam (19), kisah Aṣḥāb al-Ukhdūd dalam Surah al-Burūj (85: 4-11) serta kisah Aṣḥāb al-Fīl dalam Surah al-Fīl (105).

Kisah Yang Berkait Dengan Peristiwa Ketika Hayat Nabi Muhammad SAW

Kategori ini meliputi peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman Rasūl Allāh SAW seperti peristiwa perang Badar dan Uhud dalam surah Āli 'Imrān, peristiwa perang Ḥunayn dan Tabūk dalam surah al-Tawbah, peristiwa hijrah dalam Surah Āli 'Imrān (3: 195) dan lain-lain.

Pembahagian kisah-kisah al-Qur'an kepada tiga kategori utama ini memperlihatkan kepelbagaian bentuk naratif serta tujuan penyampaian kisah dalam al-Qur'an. Setiap kategori mengandungi fokus tema, konteks sejarah dan objektif pengajaran yang berbeza, sekali gus mempengaruhi pendekatan para sarjana dalam mentafsir dan menyusun kisah-kisah tersebut dalam karya mereka. Justeru, pemahaman terhadap pembahagian ini menjadi asas penting dalam menganalisis kecenderungan metodologi penulisan karya-karya *qaṣaṣ al-Qur'ān*, sama ada yang menumpukan kisah para nabi, umat terdahulu atau peristiwa semasa hayat Nabi Muhammad SAW.

KEPENTINGAN KISAH-KISAH AL-QURAN

Menurut 'Abd al-Karīm Zaydān (2002) dan Mannā' al-Qattān (1998), terdapat beberapa kepentingan dan hikmah kisah-kisah al-Quran antaranya:

i. Memberikan kefahaman tentang ujian yang berlaku ke atas para nabi dan juga pengikut mereka serta pertolongan yang diberikan oleh Allah SWT kepada mereka. Ini menjadi suatu ibrah dan pengajaran buat kita. Firman Allah SWT:

﴿لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ..﴾

“Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal..” [Surah Yūsuf: 111]

ii. Menetapkan dan menguatkan hati Nabi Muhammad SAW serta umatnya. Firman Allah SWT:

﴿وَكُلًّا نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِ فُؤَادَكَ وَجَاءَكَ فِي هَذِهِ الْحَقُّ وَمَوْعِظَةٌ وَذِكْرَى

لِلْمُؤْمِنِينَ﴾

“Dan semua kisah dari rasul-rasul Kami ceritakan kepadamu, ialah kisah-kisah yang dengannya Kami teguhkan hatimu; dan dalam surat ini telah datang kepadamu kebenaran serta pengajaran dan peringatan bagi orang-orang yang beriman.” [Surah Hūd: 120]

iii. Menerangkan metodologi para nabi dalam berdakwah di jalan Allah SWT serta contoh kesabaran dan keteguhan mereka. Firman Allah SWT:

﴿أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ فَبِهِدَاهُمُ افْتَدَتْهُ ..﴾

“Mereka itulah orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah, maka ikutilah petunjuk mereka..” [Surah al-An’ām: 90]

iv. Menunjukkan contoh kesabaran orang-orang mukmin yang tetap teguh berpegang dengan kebenaran walaupun dimusuhi dan diseksa. Firman Allah SWT:

﴿وَمَا نَقَمُوا مِنْهُمْ إِلَّا أَنْ يُؤْمِنُوا بِاللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ﴾

“Dan mereka tidak menyiksa orang-orang mukmin itu melainkan karena orang-orang mukmin itu beriman kepada Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji.” [Surah al-Burūj: 8]

v. Menentang hujah ahli kitab terhadap keterangan dan petunjuk yang mereka sembunyikan serta mencabar apa yang ada dalam kitab mereka sebelum diseleweng dan dipinda. Firman Allah SWT:

﴿كُلُّ الطَّعَامِ كَانَ حَلَالًا لِّبَنِي إِسْرَائِيلَ إِلَّا مَا حَرَّمَ إِسْرَائِيلُ عَلَىٰ نَفْسِهِ مِنْ قَبْلِ أَنْ تُنزَّلَ التَّوْرَةُ ۗ قُلْ فَأْتُوا بِالتَّوْرَةِ فَاتْلُوهَا إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ﴾

“Semua makanan adalah halal bagi Bani Israil melainkan makanan yang diharamkan oleh Israil (Ya'qub) untuk dirinya sendiri sebelum Taurat diturunkan. Katakanlah: (Jika kamu mengatakan ada makanan yang diharamkan sebelum turun Taurat), maka bawalah Taurat itu, lalu bacalah dia jika kamu orang-orang yang benar.” [Āli ‘Imrān: 93]

Kepentingan-kepentingan kisah al-Qur’an yang dinyatakan di atas menunjukkan bahawa kisah-kisah ini bukan sekadar bersifat naratif atau sejarah, bahkan mengandungi dimensi akidah, dakwah, tarbiah dan hujah yang saling melengkapi. Kefahaman terhadap kepelbagaian fungsi ini telah mempengaruhi pendekatan dan metodologi para sarjana dalam menghasilkan karya-karya berkaitan kisah al-Qur’an, sama ada melalui penekanan terhadap aspek ibrah dan pengajaran, metodologi dakwah para nabi, keteguhan iman golongan mukmin, mahupun perbahasan hujah dan penolakan penyelewengan akidah. Justeru, analisis terhadap karya-karya kisah al-Qur’an menjadi signifikan bagi menilai sejauh mana kepentingan-kepentingan ini diterjemahkan dalam pendekatan penulisan dan penyampaian kisah-kisah tersebut.

TINJAUAN KARYA-KARYA KISAH AL-QURAN


Berdasarkan penelitian dan pengamatan penulis, terdapat banyak karya yang mengupas tentang kisah-kisah al-Quran antaranya:

***Qaṣaṣ al-Qur’ān* oleh Muḥammad Aḥmad Jād Al-Mawlā, Muḥammad Abū Al-Faḍl Ibrāhīm, ‘Alī Al-Bajawī dan al-Sayyid Shaḥātah**

Kitab *Qaṣaṣ al-Qur’ān* ini mengandungi 380 muka surat dan diterbitkan oleh Dār al-Jīl, Beirut. Menurut Muḥammad Aḥmad Jād al-Mawlā (t.t). Antara metodologi dalam menulis kitab ini

adalah menghuraikan kisah-kisah al-Quran yang pelbagai secara ringkas kecuali pada perkara-perkara yang memerlukan penjelasan lanjut.


Kandungan yang ditulis dalam kitab ini juga adalah berpandukan kitab-kitab tafsir yang masyhur serta riwayat-riwayat hadith daripada mereka yang dipercayai. Namun begitu, menurut Ahmad Nawfal (2007), kitab ini adalah merupakan antara kitab yang mengandungi riwayat-riwayat Israiliyyāt. Kitab ini dimulakan dengan kisah Nabi Adam AS dan diakhiri dengan sirah Nabi Muhammad SAW. Berdasarkan pemerhatian penulis, ia juga turut memuatkan kisah-kisah golongan selain nabi seperti kisah Aṣḥāb al-Ukhdūd, Aṣḥāb al-Kahfī dan juga Dhū al-Qarnayn.



Rajah 1. Kitab *Qaṣaṣ al-Qur'ān*

***Ma'a al-Anbiyā` fi al-Qur'ān al-Karīm* oleh 'Afif 'Abd al-Fattāḥ**

Nama penuh kitab ini adalah *Ma'a al-Anbiyā` fi al-Qur'ān al-Karīm Qiṣaṣ wa Durūs wa 'Ibar min Ḥayātihim*. Kitab ini adalah setebal 470 muka surat dan diterbitkan oleh Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, Beirut pada tahun 1985M. Antara metodologi 'Afif 'Abd al-Fattāḥ (1985) dalam menulis kitab ini adalah beliau mengumpulkan ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan kisah tersebut dan menghuraikannya berdasarkan tafsir al-Quran. Beliau juga memfokuskan kepada aspek 'ibrah iaitu pengajaran yang terkandung dalam setiap kisah tersebut serta nilai-nilai negatif yang perlu dijauhi seumpama kufur kepada Allah, syirik, perbuatan suka membazir, menipu dan lain-lain lagi.




Rajah 2. Kitab *Ma'a al-Anbiya' fi al-Qur'an al-Karim Qisas wa Durus wa 'Ibar min Hayatihim*

***Ma'a Qaṣaṣ al-Sābiqīn fi al-Qur'an: Durūs fi al-Īmān wa al-Da'wah wa al-Jihād* oleh Ṣalāḥ ` Abd al-Fattāḥ al-Khālīdī**

Cetakan pertama kitab *Ma'a Qaṣaṣ al-Sābiqīn fi al-Qur'an: Durūs fi al-Īmān wa al-Da'wah wa al-Jihād* adalah pada tahun 1988M. Ia adalah kitab yang ke 11 dalam turutan tertib karya yang dihasilkan oleh Ṣalāḥ al-Khālīdī dan mengandungi 860 muka surat. Kitab ini membahaskan tentang kisah-kisah selain para nabi dalam al-Quran. Ia turut menyimpulkan pengajaran dari perspektif keimanan, dakwah dan jihad.

Di awal kitab ini, dibahaskan tentang kriteria kisah-kisah al-Quran dan asas metodologi dalam pentafsiran kisah-kisah umat terdahulu dalam al-Quran. Diperincikan juga dalam kitab ini sebanyak 19 kisah. Menurut Ḥudhayfah Ṣalāḥ al-Khālīdī (2023), kisah-kisah ini disusun mengikut turutan mushaf al-Quran dan dihuraikan berdasarkan al-Quran dan hadith yang sahih tanpa mengambil riwayat *Israiliyyāt*.



Rajah 3. Kitab *Ma'a Qaṣaṣ al-Sābiqīn fi al-Qur'an: Durūs fi al-Īmān wa al-Da'wah wa al-Jihād*


***Qaṣaṣ al-Anbiyā'* oleh Ibn Kathīr**

Karya *Qaṣaṣ al-Anbiyā'* oleh Ibn Kathīr ini asalnya adalah daripada kitab *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* oleh Ibn Kathīr. Kitab ini mengandungi 748 muka surat dan diterbitkan oleh Maktabah

al-Tālib al-Jāmi'ī di Mekah pada tahun 1988M. Kitab ini dianggap antara kitab yang paling masyhur dalam *Qaṣaṣ al-Qur'ān*.

Dalam pendahuluan setiap kisah-kisah al-Quran yang ditulis oleh Ibn Kathīr, beliau akan membawakan kesemua ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan kisah tersebut mengikut susunan surah tersebut. Kemudian beliau akan mentafsirkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan kisah tersebut. Beliau juga didapati menghimpunkan hadith-hadith sahih yang berkaitan dengan kisah nabi tersebut. Ibn Kathīr juga banyak menjawab kekeliruan yang wujud berkenaan kisah-kisah ini menerusi kitab beliau ini.

Kitab ini juga mencakupi sebahagian besar riwayat-riwayat, lalu menjadikan kitab ini antara kitab yang hampir lengkap dan sempurna serta menjadi sumber rujukan di pelbagai tempat. Ibn Kathīr juga membawakan sumber asal bagi setiap pendapat yang dinukilkan oleh beliau dalam kitab ini. Beliau juga mengambil berat tentang *maqāṣid* serta tujuan ayat-ayat al-Quran berkenaan kisah-kisah nabi ini lalu mengeluarkan pelbagai ibrah dan juga pengajaran daripada kisah-kisah tersebut.




Rajah 4. Kitab *Qaṣaṣ al-Anbiyā'*

***Al-Qaṣaṣ al-Qur`ānī Baina al-Ābā' wa al-Ābnā'* oleh A'mmād Zuhayr Hāfiẓ**

Karya yang ditulis oleh A'mmād Zuhayr Hāfiẓ ini memfokuskan aspek hubungan di antara ayah dan anak di dalam al-Quran. Menurut A'mmād Zuhayr Hāfiẓ (1990), beliau memilih tajuk ini memandangkan ada banyak manfaat dari aspek dakwah dan juga akidah yang boleh didapati daripada kisah-kisah al-Quran tersebut.

Antara metodologi beliau dalam menulis kitab ini adalah beliau melakukan penelitian terhadap kisah-kisah al-Quran daripada kitab-kitab tafsir yang terkemuka dan beliau akan memilih pendapat yang paling *rājiḥ* untuk dikemukakan dalam kitab tersebut. Beliau juga akan menyertakan hukum-hukum fiqh berkaitan serta dari sudut bahasa. Tambahan lagi, beliau tidak menyebutkan riwayat-riwayat Isrāīliyyat di dalam karya ini serta hanya menyebutkan hadis yang sahih semata-mata.

Beliau memulakan karya ini dengan menyebutkan kepentingan *Qaṣaṣ al-Qur'ān*. Kemudian beliau menyebutkan kisah-kisah Quran yang berkaitan dengan ayah dan anak. Ia disusun dalam 10 bab. Bab yang pertama dimulakan dengan kisah Nuh AS bersama anaknya. Kemudian disusuli dengan bab seterusnya iaitu Nabi Ibrahim AS dengan ayah dan anaknya. Selepas itu, bab yang ketiga adalah kisah Ya'qūb AS dan seterusnya disusuli dengan kisah Nabi Musa AS bersama ibunya, kisah dua gadis Madyan bersama ayah mereka, kisah Nabi Daud AS, kisah Luqman al-Hakim bersama anaknya serta kisah Nabi Zakaria AS. Kemudian ia disusuli dan diakhiri dengan kisah Maryam binti Imran bersama ibu dan anaknya Nabi ISA AS serta beberapa kisah ayah dan anak dalam kalangan para sahabat Nabi SAW. Karya ini ditutup dengan menyertakan beberapa kesimpulan daripada kisah-kisah yang telah disebutkan.



Rajah 5. Kitab *Al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī Baiina al-Ābā' wa al-Ābnā'*

***Al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī: 'Arḍ Waqā'i' wa Tahlīl Aḥdāth* oleh Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālīdī**

Kitab *Al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī: 'Arḍ Waqā'i' wa Tahlīl Aḥdāth* ini mempunyai empat jilid (Fāḍhil Abbās Fāḍhil, 2018). Kitab ini diterbitkan oleh Dār al-Qalam, Damsyik pada tahun 1998M. Dalam jilid pertama Ṣalāḥ al-Khālīdī (2011) membahaskan metodologi yang diiktiraf dalam menetapkan sesuatu fakta dan peristiwa berkaitan kisah-kisah al-Quran dan metodologi ini berpandukan ayat-ayat al-Quran serta hadith yang sahih. Seterusnya, dalam jilid ini juga beliau membicarakan tentang fakta, peristiwa serta perincian kisah nabi-nabi yang mulia iaitu Adam AS, Nuh AS, Hud AS, Soleh AS, Ibrahim AS, Ismail AS, Ishak AS dan Lut AS. Kisah lapan orang nabi ini dibahaskan berpandukan ayat-ayat al-Quran dan hadith yang sahih.


Di dalam jilid kedua buku ini, beliau menghuraikan tentang kisah Nabi Syuaib AS, Yaakub AS, Yusuf AS dan bahagian pertama kisah Nabi Musa AS. Seterusnya dalam jilid ketiga dibahaskan bahagian kedua kisah Nabi Musa AS bersama Firaun dan Bani Israil, kemudian kisah Daud AS dan Sulaiman AS. Manakala dalam jilid keempat, dibentangkan kisah nabi-nabi

yang lain selepas Daud AS dan Sulaiman AS iaitu Ayyub AS, Yunus AS, Idris AS, Ilyas AS, Ilyasa` AS, Zulkifli AS, Zakaria AS, Yahya AS dan Isa AS.

Şalāh al-Khālidī (2011) menghuraikan fakta dan peristiwa ini tanpa analisis dan dapatan kerana objektif beliau adalah membentangkan kisah nabi dan kaumnya sepertimana dalam al-Quran dan hadith. Manakala bagi tujuan ibrah dan pengajaran beliau tinggalkan untuk dikaji dalam kajian akan datang. Namun beliau tidak sempat menamatkan penulisan karya tersebut sebelum meninggal dunia.

Antara metodologi Şalāh al-Khālidī dalam kitab *al-Qaşaş al-Qur'ānī* ini adalah beliau secara konsisten dan tegas menolak *Israiliyyāt* serta riwayat yang tidak sahih. Beliau juga mengambil pendekatan untuk tidak menambah apa yang terkandung dalam ayat al-Quran dan hadith yang sahih. Beliau beriltizam untuk memadai dengan apa yang dijelaskan dalam ayat al-Qurān dan hadith.

Şalāh al-Khālidī juga didapati menyusun kisah-kisah al-Quran yang terdapat dalam kitab ini berdasarkan kronologi sejarah. Ini dapat dilihat menerusi susunan dalam kitab ini yang dimulakan dengan kisah Nabi Adam AS dan diakhiri dengan kisah Nabi Isa AS. Di dalam perincian kisah-kisah setiap nabi juga, beliau didapati menggunakan susunan yang sama iaitu mengikut kronologi sejarah. Contohnya dapat dilihat menerusi kisah Nabi Isa AS yang diakhiri dengan kisah baginda turun ke bumi pada akhir zaman.



Rajah 6. Kitab *Al-Qaşaş al-Qur'ānī: 'Arđ Waqā'i' wa Taḥlīl Aḥdāth*


***Al-Mar'ah fi al-Qaşaş al-Qur'ānī* oleh Dr Aḥmad Muḥammad al-Sharqāwī**

Aḥmad Muḥammad al-Sharqāwī (2001) menulis sebuah karya bertajuk *Al-Mar'ah fi al-Qaşaş al-Qur'ānī*. Karya ini asalnya merupakan disertasi peringkat PhD di Kulliyah Usuluddin di Universiti al-Azhar dan dicetak sebanyak dua jilid. Penulis menulis tajuk ini untuk menonjolkan peranan wanita dan kedudukan mereka melalui kisah-kisah al-Quran. Beliau juga menulis tajuk

ini untuk melawan tohmahan daripada musuh-musuh Islam yang berkaitan dengan kedudukan wanita di dalam Islam.

Antara metodologi beliau dalam karya ini adalah beliau akan menyatakan ibrah serta pengajaran dari setiap kisah. Ayat al-Quran dan hadis yang disebutkan juga akan disertai dengan sumber asalnya serta status hadis tersebut jika ia sahih mahupun sebaliknya. Beliau turut menyatakan asbāb al-nuzūl serta menyatakan munasabah dan juga hubungkait antara ayat al-Quran.

Penulis memulakan karya ini dengan menyatakan sebab penulisan karya ini serta pengenalan kepada kisah-kisah al-Quran. Seterusnya penulis mula membicarakan tentang kisah-kisah wanita dalam al-Quran dalam sepuluh bab. Bab ini bermula dengan Hawa AS, kisah isteri Nabi Nuh AS, kisah Sarah dan Hajar, kisah isteri Nabi Lut As serta kisah isteri al-Aziz bersama Nabi Yusuf AS. Ia disusuli pula dengan kisah-kisah lain semisal isteri Nabi Ayub AS, kisah ibu Nabi Musa AS, kisah Balqis bersama Nabi Sulaiman AS, kisah Maryam AS serta diakhiri dengan kisah wanita-wanita pada zaman Nabi SAW. Kemudian, penulis merumuskan dapatan dan juga pengajaran daripada kisah-kisah al-Quran yang telah disebutkan.




Rajah 7. Kitab *Al-Mar'ah fi al-Qaṣaṣ al-Qur'ān*

Al-Mustafād min Qaṣas al-Qur'ān oleh 'Abd al-Karīm Zaydān

Karya *Al-Mustafād min Qaṣas al-Qur'ān* oleh 'Abd al-Karīm Zaydān ini mempunyai dua jilid. Ia diterbitkan oleh Muassasah al-Risālah, Beirut pada tahun 2002M. Kitab ini membongkar pengajaran daripada kisah-kisah al-Quran dari perspektif dakwah. Ini adalah kerana Allah SWT tidak membentangkan kepada kita kisah-kisah al-Quran kecuali dengan tujuan untuk kita mengambilnya sebagai nasihat, iktibar dan pengajaran. Dalam pendahuluan kitab ini beliau melontarkan persoalan, siapakah yang lebih berhak untuk mendapatkan nasihat, pengajaran dan iktibar ini melainkan pendakwah yang menyeru kepada Allah?

‘Abd al-Karīm Zaydān mengumpulkan ayat-ayat al-Quran dari surah-surah yang pelbagai berkenaan sesuatu kisah. Beliau juga membentangkan kesimpulan daripada kisah-kisah ini dari perspektif tafsir ayat-ayat dan pengajaran yang berguna untuk diaplikasikan dalam dakwah. Kitab ini mempunyai dua bahagian. Bahagian pertama berkisar mengenai kisah-kisah al-Quran tentang Rasul terdahulu sebelum kenabian Nabi Muhammad SAW. Manakala bahagian kedua pula tertumpu kepada kisah Nabi Muhammad SAW dan para sahabatnya yang mulia serta golongan munafik yang hidup bersama baginda.




Rajah 8. Kitab *Al-Mustafid min Qasas al-Qur'an*

***Al-Mar'ah fi al-Qasas al-Qur'ani* oleh Haddāb Muḥammad Aḥmad al-Hāj Ḥusayn**

Karya ini merupakan kajian peringkat sarjana yang ditulis oleh Haddāb Muḥammad Aḥmad al-Hāj Ḥusayn pada tahun 2003M di Universiti al-Najāḥ al-Waṭaniyyah di Nablus, Palestin. Kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian dan dimulakan dengan pendahuluan yang membicarakan tentang kajian *Qasas al-Qur'an*.

Bahagian yang pertama menghuraikan tentang kisah-kisah wanita yang beriman dalam kisah-kisah al-Quran seperti Hawa, isteri Firaun, ratu Saba', ibu kepada Nabi Musa AS dan lain-lain. Bahagian kedua pula memuatkan tentang wanita-wanita yang kafir di dalam kisah-kisah al-Quran seumpama isteri Nabi Lut AS dan juga isteri Nabi Nuh AS.

Bahagian ketiga pula menghuraikan tentang wanita-wanita yang tidak banyak disebutkan dalam kisah-kisah al-Quran seperti Sarah, isteri kepada Nabi Daud AS, kakak Nabi Musa AS dan lain-lain. Bahagian terakhir pula mengkhususkan tentang *Isrā ṭliyyāt* yang terdapat dalam kisah-kisah berkenaan wanita dalam al-Quran. Bahagian ini mengandungi faktor-faktor kemasukan *Isrā ṭliyyāt* dan bagaimana berinteraksi dengan riwayat-riwayat *Isrā ṭliyyāt* ini.




Rajah 9. Kajian Sarjana *Al-Mar'ah fi al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī*

***Manāhij al-Baḥth wa al-Ta'lif fi al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī* oleh Aḥmad Nawfal**

Kitab *Manāhij al-Baḥth wa al-Ta'lif fi al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī* ini ditulis oleh Aḥmad Nawfal (2007) yang merupakan seorang pensyarah di University of Jordan. Beliau telah mengajar tentang *Qaṣaṣ al-Qur'ān* selama lebih 30 tahun. Kitab ini diterbitkan oleh Dār al-Furqān pada tahun 2007M dalam satu jilid dan mengandungi 813 muka surat.

Kitab ini menghimpunkan 39 buah karya-karya berkaitan *Qaṣaṣ al-Qur'ān* sama ada ia sudah lama ditulis atau merupakan karya kontemporari. Karya ini memfokuskan dan membincangkan tentang metodologi sesebuah karya *Qaṣaṣ al-Qur'ān* itu ditulis. Aḥmad Nawfal (2007) juga menjelaskan bahawa metodologi penulisan *Qaṣaṣ al-Qur'ān* tertumpu kepada tiga metodologi yang utama iaitu *Manhaj al-Taḥlīlī*, *Manhaj al-Sardī* serta metodologi yang menggabungkan di antara *Manhaj al-Taḥlīlī* dan juga *Manhaj al-Sardī*.




Rajah 10. Kitab *Manāhij al-Baḥth wa al-Ta'lif fi al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī*

***Taysīr al-Mannān fi Qīṣaṣ al-Qur'ān* oleh Aḥmad Farīd**

Karya *Taysīr al-Mannān fi Qīṣaṣ al-Qur'ān* oleh Aḥmad Farīd ini mengandungi 519 muka surat dan diterbitkan oleh Dār Ibn al-Jawzī, Riyāḍ pada tahun 2008M. Ahmad Farid (2008) menjelaskan bahagian pertama dalam kitab ini dikhususkan kepada rasul-rasul Ulul Azmi kecuali kisah tentang Nabi Muḥammad SAW kerana ia dikhususkan dalam kajian yang lain. Ia dimulakan

dengan kisah Nabi Nūh AS, Nabi Ibrāhīm AS dan seterusnya sehinggalah ia diakhiri dengan kisah Ashāb al-Fīl.

Antara metodologi Aḥmad Farīd dalam kitab ini juga adalah beliau memulakan setiap kisah dengan menyebut kelebihan setiap nabi tersebut terlebih dahulu. Beliau juga tidak menukulkan sebarang kisah yang bersumberkan Isrā'īliyyāt serta kisah-kisah yang lemah dan palsu. Beliau juga didapati menggabungkan pendapat ulama-ulama terdahulu semisal al-Ṭabarī dan al-Qurṭubī serta pendapat ulama-ulama kontemporari semisal al-Shanqīṭī serta al-Sa'dī.




Rajah 11. Kitab *Taysir al-Mannān fi Qisās al-Qur'ān*

***Qaṣaṣ al-Qur'ān al-Karīm wa Sīrah Sayyid al-Mursalīn* oleh Muhammad Munīr al-Jinbāz**

Kitab *Qaṣaṣ al-Qur'ān al-Karīm wa Sīrah Sayyid al-Mursalīn* mengandungi 663 muka surat dan diterbitkan oleh Maktabah al-Tawbah di Riyāḍ pada tahun 2008M. Kitab ini ditulis oleh Muhammad Munīr al-Jinbāz yang merupakan pensyarah di Universiti Imām Muḥammad bin Sa'ūd al-Islāmiyyah di Arab Saudi. Nama penuh kitab ini adalah *Qaṣaṣ al-Qur'ān al-Karīm wa Sīrah Sayyidul Mursalīn: Ba'dan 'an al-Isrā'īliyyāt wa Shaṭahāt Ba'd al-Mufasssīn*. Kitab ini secara umumnya terbahagi kepada dua bahagian.

Bahagian yang pertama tertumpu kepada kisah-kisah di dalam al-Quran, manakala bahagian yang kedua pula mencakupi sirah Nabi Muḥammad SAW berdasarkan al-Quran al-Karim. Menurut Muḥammad Munīr (2008), antara metodologi beliau dalam menulis kitab ini adalah beliau memilih huraian tafsir yang paling baik bagi menjelaskan serta menghuraikan kisah-kisah di dalam al-Quran. Beliau juga menyatakan bahawa beliau menolak sebarang bentuk *Isrā'īliyyāt* seumpama tuduhan dan kisah yang tidak benar berkaitan Ṭālūt.

Ketika menghuraikan sirah Nabi Muḥammad SAW pada bahagian kedua pula, beliau memilih pandangan yang *rājiḥ* sahaja dan tidak bercampur dengan kisah-kisah yang tidak sahih.




Rajah 12. Kitab *Qaṣaṣ al-Qur'ān al-Karīm wa Sīrah Sayyid al-Mursalīn*

***Qaṣaṣ al-Qur'ān al-Karīm* oleh Faḍl Ḥasan 'Abbās**

Karya *Qaṣaṣ al-Qur'ān al-Karīm* oleh Faḍl Ḥasan 'Abbās ini mengandungi 768 muka surat dan diterbitkan oleh Dār al-Nafāis, Jordan pada tahun 2010M. Antara keunikan kitab ini ialah ia membincangkan secara terperinci perkara-perkara yang menjadi perselisihan antara para pengkaji dalam *Qaṣaṣ al-Qur'ān* seperti taufan Nabi Nūḥ AS, nama kepada ayah Nabi Ibrāhīm AS serta fitnah Nabi Sulaymān AS.

Kitab ini juga membincangkan tentang kekeliruan yang berlaku dalam kisah-kisah al-Quran contohnya kaitan antara teori Darwin dengan penciptaan Nabi Adam AS. Beliau juga membawakan perkaitan antara surah-surah di dalam al-Quran. Kitab ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama merangkumi perbincangan-perbincangan mengenai *Qaṣaṣ al-Quran* seperti tujuan dan keistimewaan *Qaṣaṣ al-Quran*, kekeliruan dalam kisah-kisah al-Quran serta susunan kisah-kisah yang terdapat di dalam al-Quran. Bahagian yang kedua pula mengandungi kisah-kisah al-Quran yang dihuraikan satu persatu.




Rajah 13. Kitab *Qaṣaṣ al-Qur'ān al-Karīm*

***Qaṣaṣ al-Qur'ān li al-Allāmah Abd al-Rahmān al-Sa'di* susunan oleh Fāiz al-Surayḥ**

Karya berikutnya adalah *Qaṣaṣ al-Qurān li al-Allāmah Abd al-Rahmān al-Sa'dī* yang disusun oleh Fā'iz al-Surayḥ (2020). Kitab ini adalah merupakan himpunan tulisan Abd al-Rahmān al-Sa'dī daripada kitab beliau *Taysīr al-Latīf al-Mannān* dan *Taysīr al-Karīm al-Rahmān*. Komentaar serta huraian al-Sa'dī dihimpunkan dan disatukan oleh Fā'iz al-Surayḥ. Beliau juga merujuk kepada kitab *Usūl fī al-Tafsīr* oleh Ibn 'Uthaymīn terutamanya tentang kisah-kisah al-Quran.

Metodologi beliau dalam menyusun kitab ini adalah beliau menyatakan ayat-ayat al-Quran berkenaan kisah-kisah tersebut terlebih dahulu beserta huraian ringkas sesuatu ayat, kemudian beliau akan menyatakan pengajaran daripada kisah-kisah al-Quran tersebut. Ia dimulakan dengan kisah Nabi Adam AS, kisah Nabi Nuh AS, kisah Nabi Hud AS serta kisah para nabi yang lain. Kisah-kisah selain nabi juga ada disebutkan iaitu seperti Dhū al-Qarnayn, Luqmān, Qārūn, Ashhāb al-Ukhdūd dan lain-lain.



Rajah 14. Kitab *Qaṣaṣ al-Qurān li al-Allāmah Abd al-Rahmān al-Sa'dī*


KARYA-KARYA BERKAITAN KISAH-KISAH AL-QURAN DI DALAM BAHASA MELAYU

Terdapat beberapa karya berkaitan kisah-kisah al-Quran yang ditulis di dalam Bahasa Melayu antaranya:

13 Golongan Bukan Rasul Dalam al-Quran oleh Mohd Fhakhurazi Abdul Halim

Dalam pendahuluan, Mohd Fhakhurazi Abdul Halim (2018) menyatakan bahawa karya ini dihasilkan untuk meneliti kisah-kisah orang-orang beriman yang bukan daripada kalangan rasul di dalam al-Quran. Kajian mengenai golongan ini dihasilkan berpandukan ayat-ayat al-Quran berkaitan, hadis, tafsir muktabar serta kitab-kitab yang dipercayai kebenarannya. Penulis membahagikan karya ini kepada 4 bab. Bab yang pertama berkisar tentang 13 golongan beriman yang bukan rasul di dalam al-Quran. Antaranya adalah seperti Habil, Zulqarnain, Asiah binti


Muzahim, Luqman al-Hakim, Maryam, Hawariyyun, Ashab al-Kahfi, Ashab al-Qaryah dan lain-lain. Bab yang kedua pula adalah berkisar golongan bukan rasul dan dakwah berdasarkan al-Quran. Bab ketiga mengisahkan tentang analisis dakwah yang diterima dan ditentang manakala bab keempat adalah bertumpu kepada hakikat kejayaan dakwah golongan bukan rasul.



Rajah 15. Buku *13 Golongan Bukan Rasul Dalam al-Quran*

Ibrah Kisah-Kisah Hebat Dakwah Nabi Musa AS oleh Syaari Ab. Rahman

Karya ini merupakan tulisan Syaari Ab. Rahman (2018) yang memfokuskan ibrah dari kisah Nabi Musa AS terutamanya dari sudut dakwah baginda AS yang disesuaikan daripada slot rancangan Segmen Ibrah di Radio IKIM.fm. Terdapat 11 ibrah yang dikemukakan oleh Syaari Ab. Rahman di dalam karya ini antaranya adalah kisah berkait dengan ketibaan Nabi Musa AS ke istana Firaun, debat antara Nabi Musa AS dan Firaun, Mukjizat Nabi Musa AS, kerenah Yahudi, Qarun, kedegilan rejim Firaun serta kerenah Bani Israel dan juga Samiri.



Rajah 16. Buku *Ibrah Kisah-Kisah Hebat Dakwah Nabi Musa AS*

Menggapai Bintang: Ibrah Kisah-Kisah dalam al-Quran oleh Syaari Ab. Rahman


Karya Syaari Ab. Rahman (2019) ini mengandungi 17 tajuk yang mengupas ibrah-ibrah dari pelbagai kisah yang ada di dalam al-Quran. Antara tajuk yang dikupas adalah seperti Merdeka daripada Penjajahan Syaitan, Mendidik anak dengan kisah Nabi Adam AS, Mahalnya Kalimah Insyallah, Kisah Ashab Al-Sabti, Kisah Kakak Nabi Musa AS, Kisah Isteri Firaun, Kisah Perempuan Madyan, Kisah Nabi Musa AS di lembah Thuwa, Kisah Malaikat Harut dan Marut, Kisah Kaum yang Didatangi Tiga Rasul, Kisah Nabi Yunus AS ditelan ikan, Indahny wasiat Luqman al-Hakim, serta kisah Nabi Yusuf AS mengurus krisis kewangan Mesir.



Rajah 17. Buku *Menggapai Bintang: Ibrah Kisah-Kisah dalam al-Quran*

Nabi Adam AS: Keampunan Allah Ada Untuk Kita Yang Mencari oleh Azlan Shah Nabees Khan


Karya ini ditulis oleh Azlan Shah Nabees Khan (2020) dan memfokuskan kepada kisah Nabi Adam AS. Penulis memulakan karya ini dengan pendahuluan yang memuatkan persoalan tentang peristiwa sebelum Nabi Adam AS diciptakan. Seterusnya penulis menghuraikan tentang kisah-kisah Nabi Adam AS dalam beberapa tajuk. Antaranya berkisar penciptaan Nabi Adam AS, pertabalan Nabi Adam AS, Nabi Adam AS dan Hawa di Syurga serta Nabi Adam dan Hawa di bumi. Semua fakta kisah penciptaan Nabi Adam dan Hawa AS di dalam buku ini adalah bersumberkan al-Quran dan al-Hadis. Penulis mengakhiri karya ini dengan menegaskan bahawa tidak kira betapa besar kesalahan manusia itu, dia tetap boleh kembali kepada Allah SWT.



Rajah 18. Buku *Nabi Adam AS: Keampunan Allah Ada Untuk Kita Yang Mencari*

13 Kaum Yang Binas oleh Sahrulazmi Sidek

Dalam pendahuluan, Sahrulazmi Sidek (2022) menyatakan bahawa antara metodologi beliau dalam menulis karya ini adalah dengan memulakan kisah setiap kaum dengan menyatakan asal usul dan tempat tinggal, menyatakan nikmat yang mereka terima serta kejatahan dan juga bentuk azab yang ditimpakan ke atas mereka. Penulis turut merujuk kitab-kitab tafsir muktabar, kitab sejarah islam dan kitab kisah-kisah al-Quran. Penulis membahagikan karya ini kepada 13 tajuk mewakili 13 kaum yang dibinasakan. Antaranya adalah kisah Kaum Nuh, Kaum Ad, Kaum Thamud, Kaum Nabi Lut, penduduk Madyan, Ashabul Aykah, Ashabul Rass, Ashabul Qaryah, Ashabul Sabtu, Ashabul Tubba`, Firaun, Qarun dan Abrahah. Penulis mengakhiri karya ini dengan beberapa kesimpulan tentang nikmat, kejahatan dan azab yang ditimpakan ke atas kaum-kaum ini.




Rajah 19. Buku *13 Kaum Yang Binas*

Di Bawah Teduhan Kisah-Kisah Al-Quran oleh Syaari Ab. Rahman

Dalam pendahuluan karya ini, Syaari Ab. Rahman (2023) menegaskan bahawa kisah-kisah al-Quran bukan semata-mata kisah sejarah. Penulis juga menjelaskan bahawa antara metodologi beliau dalam menulis karya ini adalah tidak membawakan kisah-kisah *Isrā'īliyyāt* melainkan statusnya dijelaskan. Penulis memulakan karya ini dengan beberapa asas yang utama tentang

kisah-kisah al-Quran iaitu gaya persembahan kisah-kisah al-Quran, hikmah Allah mendiamkan pelaku, lokasi dan masa kejadian serta adab-adab di hadapan kisah-kisah al-Quran.

Karya ini memuatkan 56 tajuk yang merupakan huraian kepada kisah-kisah yang merangkumi Surah al-Baqarah, Surah Āli Imrān, Surah al-Nisa', Surah Yusuf, Surah al-Anbiyā', Surah Naml, Surah al-Qaṣaṣ dan surah-surah yang lain. Penulis mengakhiri karya ini dengan beberapa tajuk berkaitan hikmah susunan sesuatu surah selepas sesuatu surah yang lain serta hubungan antara surah seperti hubungan antara Surah al-Anfal dan Surah al-Kahfi.



Rajah 20. Buku *Di Bawah Teduhan Kisah-Kisah Al-Quran*

ANALISIS DAN HASIL KAJIAN

Berdasarkan analisis penulis, didapati bahawa kebanyakan penulis-penulis karya berkaitan kisah-kisah al-Quran menyusun kandungan kisah-kisah al-Quran dalam karya mereka mengikut susunan kronologi tarikh ia berlaku iaitu bermula dengan kisah Nabi Adam AS. Contohnya seperti karya *Qaṣaṣ al-Anbiyā'* oleh Ibn Kathīr, *Qaṣaṣ al-Qur'ān al-Karīm* oleh Faḍl Ḥasan 'Abbās dan *Qaṣas al-Qur'ān* oleh Muḥammad Aḥmad Jād Al-Mawlā, Muḥammad Abū Al-Faḍl Ibrāhīm, 'Alī Al-Bajawī dan al-Sayyid Shaḥatah.

Selain itu, sebahagian karya hanya memfokuskan kisah-kisah para nabi sahaja yang terkandung dalam al-Quran seumpama karya *Ma'a al-Anbiyā' fi al-Qur'ān al-Karīm* oleh 'Afif 'Abd al-Fattāḥ, karya *Al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī: 'Arḍ Waqā'i' wa Taḥlīl Ahḍāth* oleh Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālīdī dan buku *Nabi Adam AS: Keampunan Allah Ada Untuk Kita Yang Mencari* oleh Azlan Shah Nabees Khan. Disamping itu, terdapat juga karya yang memfokuskan golongan bukan rasul sahaja iaitu buku *13 Golongan Bukan Rasul Dalam al-Quran* oleh Mohd Fhakhurrazi Abdul Halim dan buku *13 Kaum Yang Bīnasa* oleh Sahrulazmi Sidek.

Setiap karya juga mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri. Ada karya yang mengetengahkan tafsir tematik berkisar kisah wanita, kisah ibu bapa dan anak-anak dalam al-

Quran contohnya karya *Al-Mar'ah fi al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī* oleh Haddāb Muḥammad Aḥmad al-Hāj Ḥusayn dan *Al-Mar'ah fi al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī* oleh Dr Aḥmad Muḥammad al-Syarqāwi, dua karya ini memfokuskan tentang kisah kaum wanita sahaja di dalam al-Quran secara terperinci. Dan yang menarik juga karya *Al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī Baina al-Ābā' wa al-Ābnā'* oleh A'mmād Zuhayr Hāfiẓ, yang memfokuskan kisah ibu bapa dan anak-anak dalam al-Quran.

Begitu juga dengan karya *Manā hij Al-Baḥth wa al-Ta'lif fi al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī* oleh Aḥmad Nawfal ia berkisar dan tertumpu kepada metodologi penulisan sesebuah karya *Qaṣaṣ al-Qur'ān*. Seterusnya, berdasarkan pemerhatian penulis juga, ada karya-karya kisah al-Quran yang memfokuskan kepada pengajaran kisah-kisah nabi dari sudut dakwah sepertimana yang terdapat dalam karya *Ma'a Qaṣaṣ al-Sābiqīn fi al-Qur'ān: Durūs fi al-Īmān wa al-Da'wah wa al-Jihād* oleh Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, *Al-Mustafād Min Qaṣaṣ al-Qur'ān* oleh 'Abd al-Karīm Zaydān dan *Ibrah Kisah-Kisah Hebat Dakwah Nabi Musa AS* oleh Syaari Ab. Rahman.

Terdapat juga karya yang secara tegas menolak riwayat *Isrā'īlyyāt* antaranya kitab *Al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī: 'Arḍ Waqā'i' wa Taḥlīl Aḥdāth* oleh Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, kitab *Qaṣaṣ al-Qur'ān al-Karīm wa Sīrah Sayyid al-Mursalīn* oleh Muḥammad Munīr al-Jinbāz dan kitab *Taysīr al-Mannān fi Qiṣaṣ al-Qur'ān* oleh Aḥmad Farīd.

Yang terakhir, terdapat juga karya kisah al-Quran yang ditulis dalam Bahasa Melayu yang mengetengahkan pelbagai tajuk yang merangkumi kisah nabi dan bukan nabi dalam al-Quran antaranya *Di Bawah Teduhan Kisah-Kisah Al-Quran* oleh Syaari Ab. Rahman dan *Menggapai Bintang: Ibrah Kisah-Kisah dalam al-Quran* oleh Syaari Ab. Rahman.

Secara keseluruhan, tinjauan ini menunjukkan bahawa karya-karya kisah al-Qur'an berkembang dalam beberapa kecenderungan utama, antaranya susunan kronologi sejarah, penekanan tematik (misalnya wanita atau keluarga), orientasi dakwah dan ibrah, serta perbincangan metodologi penulisan *Qaṣaṣ al-Qur'ān*. Kepelbagaian ini memperlihatkan bahawa perbezaan tujuan penulisan telah membentuk pilihan metodologi penyampaian kisah, termasuk tahap penggunaan riwayat dan disiplin penapisan *Isrā'īlyyāt*.

BIL	TEMA	KARYA & PENULIS
1	Susunan mengikut kronologi tarikh	<i>Qaṣaṣ al-Anbiyā'</i> oleh Ibn Kathīr <i>Qaṣaṣ al-Qur'ān al-Karīm</i> oleh Faḍl Ḥasan 'Abbās

		<i>Qaṣas al-Qur'ān</i> oleh Muḥammad Aḥmad Jād Al-Mawlā, Muḥammad Abū Al-Faḍl Ibrāhīm, 'Alī Al-Bajawī dan al-Sayyid Shaḥatah
2	Kisah-kisah para nabi	<i>Ma'a al-Anbiyā' fi al-Qur'ān al-Karīm</i> oleh 'Afīf 'Abd al-Fattāḥ <i>Al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī: 'Arḍ Waqā'i' wa Taḥlīl Aḥdāth</i> oleh Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidi <i>Nabi Adam AS: Keampunan Allah Ada Untuk Kita Yang Mencari</i> oleh Azlan Shah Nabees Khan
3	Kisah Bukan Rasul dan kaum terdahulu	<i>13 Golongan Bukan Rasul Dalam al-Quran</i> oleh Mohd Fakhurrazi Abdul Halim <i>13 Kaum Yang Binas</i> oleh Sahrulazmi Sidek
4	Tafsir Tematik mengetengahkan kisah wanita, ibu bapa dan anak-anak dalam al-Quran	<i>Al-Mar'ah fi al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī</i> oleh Haddāb Muḥammad Aḥmad al-Hāj Ḥusayn <i>Al-Mar'ah fi al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī</i> oleh Dr Aḥmad Muhammad al-Syarqāwi <i>Al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī Baina al-Ābā' wa al-Ābnā'</i> oleh A'mmād Zuhayr Hāfiẓ
5	Metodologi penulisan sesebuah karya <i>Qaṣaṣ al-Qur'ān</i>	<i>Manāḥij Al-Baḥth wa al-Ta'līf fi al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī</i> oleh Aḥmad Nawfal
6	Pengajaran kisah-kisah nabi dari sudut dakwah	<i>Ma'a Qaṣaṣ al-Sābiqīn fi al-Qur'ān: Durūs fi al-Īmān wa al-Da'wah wa al-Jihād</i> oleh Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidi <i>Al-Mustafād Min Qaṣas al-Qur'ān</i> oleh 'Abd al-Karīm Zaydān <i>Ibrah Kisah-Kisah Hebat Dakwah Nabi Musa AS</i> oleh Syaari Ab. Rahman
7	Menolak riwayat <i>Isrā'īliyyāt</i>	<i>Al-Qaṣaṣ al-Qur'ānī: 'Arḍ Waqā'i' wa Taḥlīl Aḥdāth</i> oleh Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidi <i>Qaṣaṣ al-Qur'ān al-Karīm wa Sīrah Sayyid al-Mursalīn</i> oleh Muhammad Munīr al-Jinbāz.

		<i>Taysīr al-Mannān fī Qiṣaṣ al-Qur'ān</i> oleh Ahmad Farīd
8	Karya kisah al-Quran (Bahasa Melayu) yang mengetengahkan pelbagai tajuk yang merangkumi kisah nabi dan bukan nabi dalam al-Quran	<i>Di Bawah Teduhan Kisah-Kisah Al-Quran</i> oleh Syaari Ab. Rahman
		<i>Menggapai Bintang: Ibrah Kisah-Kisah dalam al-Quran</i> oleh Syaari Ab. Rahman

Jadual 1. Analisis dan hasil kajian

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang telah dilaksanakan, kajian ini mendapati bahawa karya-karya berkaitan kisah-kisah al-Qur'an ditulis dengan pendekatan metodologi yang pelbagai, sama ada yang memfokuskan kisah para nabi, umat terdahulu, golongan bukan rasul, kisah wanita dan keluarga, mahupun pengajaran dari sudut dakwah dan ibrah. Kepelbagaian ini mencerminkan kekayaan tradisi penulisan kisah al-Qur'an serta memperlihatkan bagaimana perbezaan tujuan dan orientasi penulisan mempengaruhi pendekatan penyampaian kisah. Oleh itu, tinjauan ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih sistematik terhadap corak metodologi karya-karya kisah al-Qur'an dan menegaskan peranannya sebagai medium penting dalam pembinaan kefahaman, penghayatan dan pendidikan umat.

RUJUKAN

- ‘Abbās, F. H. (2010). *Qaṣaṣ Al-Qur’ān Al-Karīm*. ‘Ammān: Dār al-Nafāis.
- Abdul Halim, M. F. (2018). *13 Golongan Bukan Rasul Dalam al-Quran*. Telaga Biru.
- Al-Jinbāz, M. M. (2008). *Qaṣaṣ Al-Qur’ān Al-Karīm Wa Sīrah Sayyid al-Mursalin*. Riyād: Maktabah al-Tawbah.
- Al-Khālidī, H. S. (2023). *Al-‘Allāmah Salāh ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī Sīratuhu wa Manāqibuhu wa Āthāruhu*. Beirut: Syarikah Fuād al-Ba`inū li at-Tajlīd.
- Al-Khālidī, S. A. F. (2007). *Ma’a Qaṣaṣ al-Sābiqīn fī al-Qur’ān: Durūs fī Al-Īmān wa al-Dakwah wa al-Jihād*. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.
- Al-Khālidī, S. A. F. (2011). *Al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī: ‘Arḍ Waqā’i’ wa Tahlīl Aḥdāth*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Al-Mawlā, A. J., Ibrāhīm, M. A. F., Al-Bajawī, A., Shahātah, S. (t.t). *Qaṣas al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Jīl.
- Al-Qaṭṭān, M. (1998). *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Fāḍhil, F. A. (2018). *Juhūd al-Duktūr Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī wa Ārāuḥu fī al-Tafsīr wa ‘Ulūm al-Qur’ān*. Disertasi PhD Al-Iraqia University. Iraq.
- Farīd, A. (2008). *Taysīr al-Mannān fī Qaṣaṣ al-Qur’ān*. Riyād: Dār Ibn al-Jawzī.
- Ḥusayn, H. M. A. H. (2003). *Al-Mar’ah fī al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*. Palestin: Universiti al-Najāḥ al-Waṭaniyyah.
- Ibn Kathīr, I. U. (1988). *Qaṣaṣ al-Anbiyā’*. Makkah: Maktabah al-Ṭālib al-Jāmi’ī.
- Ibn Manzur, M. M. (1993). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Nabees Khan, A. S. (2020). *Nabi Adam AS: Keampunan Allah Ada Untuk Kita Yang Mencari*. ImanPublication.
- Nawfal, A. (2007). *Manāhij al-Baḥth wa al-Ta`līf fī al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*. Gīzah: Dār al-Furqān.
- Rāghib al-Asfahānī, H. M. (1991). *Al-Mufradāt fī Ghariḥ al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Qalam.
- Rahman, S. A. (2018). *Ibrah Kisah-Kisah Hebat Dakwah Nabi Musa AS*. Galeri Ilmu.
- Rahman, S. A. (2019). *Menggapai Bintang: Ibrah Kisah-Kisah Dalam al-Quran*. Iman Publication.
- Rahman, S. A. (2023). *Di Bawah Teduhan Kisah-Kisah al-Quran*. Paradigma Ibrah.
- Sidek, S. (2022). *13 Kaum Yang Binas*. Karya Bestari.
- Ṭabbārah, A. A. F. (1985). *Ma’a al-Anbiyā’ fī al-Qur’ān al-Karīm*. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.

Zaydān, A. K. (2002). *Al-Mustafā d min Qaṣas al-Qur'ān*. Beirut: Muassasah al-Risālah.